Tauhid ini adalah asas bagi Tauhid bahagian lain, kerana pencipta, pemilik dan pentadbir sahajalah yang berhak ditujukan ibadat, patuh dan tunduk. Dan Dialah yang berhak menerima pujian, syukur, doa, harapan, takut dan lain-lain. Ibadat kesemuanya tidak sah melainkan kepada zat yang mempunyai hak mencipta dan hak memerintah.

Di sudut lain pula, pencipta yang memilik dan mentadbir sahajalah yang berhak dengan sifat-sifat yang mulia dan sempurna, kerana sifat-sifat ini tidak layak melainkan bagi Allah yang menjadi *"Rabbul 'Alamin"* dan kerana mustahil adanya sifat Rububiyyah dan milik bagi Tuhan yang tidak hidup, tidak mendengar, tidak melihat, tidak berkuasa, tidak bercakap, tidak membuat apa yang dikehendaki dan tidak bijaksana, baik pada perkataan mahupun pada perbuatan.

Lantaran itu kita dapati Al-Qur'an Al-Karim menyebut Tauhid bahagian ini di dalam beberapa maqam: maqam pujian, maqam ibadat, maqam patuh dan menyerah diri dan maqam penerangan sifat-sifat Allah yang Maha Mulia dan Nama-namanya yang elok.

Dalam maqam pujian, kita selalu membaca setiap rakaat solat 'الحمد لله رب العالمين' yang bermaksud "Segala puji-pujian adalah bagi Allah, tuanpunya sekalian alam. firman Allah:

فَلِلَّهِ ٱلْحَمْدُ رَبِّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَرَبِّ ٱلْأَرْضِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٣٦﴾

Maksudnya: *"Maka bagi Allah segala pujian, pencipta langit dan bumi, pencipta sekalian alam."* (Al-Jatsiah: 36)

Dalam maqam penyerahan diri dan patuh kepadaNya, firman Allah:

قُلْ إِنَّ هُدَى ٱللَّهِ هُوَ ٱلْهُدَىٰ ۖ وَأُمِرْنَا لِنُسْلِمَ لِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٧١﴾

Maksudnya: *"Katakanlah, sesungguhnya petunjuk Allah itulah petunjuk (yang sebenar) dan kita disuruh agar menyerah diri kepada Tuhan yang memiliki sekalian alam."* (Al-An'am: 71)

Dalam maqam Tawajjuh kepada Allah dan mengikhlaskan niat kepadaNya, firman Allah:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٦٢﴾

Maksudnya: *"Katakanlah, sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku adalah bagi Allah Tuhan sekalian alam."* (Al-An'am: 162)

Dalam maqam Wala' kepada Allah bukan kepada yang lain, firman Allah:

قُلْ أَغَيْرَ ٱللَّهِ أَتَّخِذُ وَلِيًّا فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَهُوَ يُطْعِمُ وَلَا يُطْعَمُ ۗ قُلْ إِنِّيٓ أُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ أَوَّلَ مَنْ أَسْلَمَ ۖ وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٤﴾

Maksudnya: *"Adakah selain daripada Allah, aku jadikan wali/kekasih, (sedang) Allah pencipta tujuh petala langit dan bumi, dan Dialah yang memberi makan bukan diberi makan. Katakanlah, aku ini diperintah supaya menjadi orang pertama yang menyerah diri. Dan janganlah engkau jadi daripada orang-orang musyrikin."* (Al-An'am: 14)

Dalam maqam doa, firman Allah:

أَلَا لَهُ ٱلْخَلْقُ وَٱلْأَمْرُ ۗ تَبَارَكَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٥٤﴾ ٱدْعُوا۟ رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً ۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ ﴿٥٥﴾

Maksudnya: *"Ingatlah, kepunyaan Allah sahajalah sekalian makhluk dan segala titah perintah, maha berkat Allah Rabbul 'Alamin. Serukanlah Tuhan kamu dengan terang dan sunyi, kerana sesungguhnya ia tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas."* (Al-A'raf: 54)

Dalam maqam ibadat pula, firman Allah:

وَمَا لِىَ لَآ أَعْبُدُ ٱلَّذِى فَطَرَنِى وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: *"Kenapakah aku tidak beribadat kepada Tuhan yang menciptakan aku dan kepadaNyalah ~~kamu~~ dikembalikan."* (Yaasin: 22)

Dan firmanNya lagi:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱعْبُدُوا۟ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُمْ وَٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ فِرَٰشًا وَٱلسَّمَآءَ بِنَآءً وَأَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجَ بِهِۦ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ رِزْقًا لَّكُمْ ۖ فَلَا تَجْعَلُوا۟ لِلَّهِ أَندَادًا وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: *"Hai manusia sekalian, beribadatlah kamu kepada Tuhan yang telah menjadikan kamu dan yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa. Tuhan yang telah menjadikan bagi kamu bumi sebagai hamparan dan langit sebagai binaan dan menurunkan air hujan daripada langit, maka dengan air itu ia mengeluarkan buah-buahan sebagai rezeki bagi kamu. Kerana itu janganlah kamu jadikan bagi Allah "Andad/sekutu" pada hal kamu mengetahui."* (Al-Baqarah: 21-22)

Oleh itu, pencipta tujuh petala langit dan bumi dan barang yang di antara kedua sahajalah yang hamba berhak menganggap sebagai Tuhan dan Wali/kekasih untuk menyerah diri.

Di sudut lain, kita dapati Al-Qur'an Nul Karim mencantumkan Rububiyyah Allah di segi milik dengan nama-namaNya yang elok dan sifat-sifatNya yang sempurna. Perhatilah firman Allah dalam ayat Kursi:

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

Maksudnya: *"Allah, tidak ada sebarang Tuhan melainkan Dia, yang hidup kekal terus-menerus, mengurus (makhluk), tidak mengantuk dan tidak tidur, kepunyaanNyalah apa yang di langit dan di bumi. Siapakah yang dapat memberi syafaat di sisi Allah tanpa izinNya. Allah mengetahui apa-apa yang berada di hadapan dan di belakang mereka, manakala mereka pula tidak mengetahui apa-apa daripada ilmu Allah melainkan perkara yang dikehendaki olehnya. Kursi Allah meliputi langit dan bumi dan Allah tidak terasa berat menjaga kedua-kedua dan Allah maha tinggi dan besar."*

(Al-Baqarah: 255)

Tuhan yang menciptakan langit dan bumi sahajalah yang hidup, tidak mati, adanya dengan sendiri, amat mengetahui, menjaga, Maha Tinggi dan Maha Besar. Perhatilah firman Allah: